

**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB TUAN ANYI NGAU
[Baram]**

TARIKH : 06.04.2015 (ISNIN)

NO. SOALAN : 35

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sasaran pembinaan jajaran jalan raya serta penaiktarafan jalan balak di Baram bagi tahun 2015.

Jawapan :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Program Jalan Luar Bandar (JALB) Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, tiada sebarang projek pembinaan jalan baru akan dilaksanakan bagi tahun 2015 di Baram. Walau bagaimanapun, Kementerian ini telah memohon dengan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) untuk melaksanakan Projek Menaiktaraf Bekas Jalan – Jalan Balak Negeri Sarawak, Fasa III bagi tahun 2015 dan 2016 dengan kos keseluruhan berjumlah RM166.0 juta.

Pada masa ini, pihak UPE, JPM telah meluluskan peruntukan berjumlah RM52.0 juta bagi tahun 2015 untuk melaksanakan Projek Menaiktaraf Bekas Jalan – Jalan Balak Negeri Sarawak, Fasa III di bahagian Miri yang melibatkan kerja - kerja menaiktaraf bekas jalan balak sepanjang 108.84km di kawasan Baram. Manakala baki peruntukan akan disalurkan dari masa ke semasa berdasarkan kedudukan kewangan semasa Kerajaan.